



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 29 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>Jangan Jadikan Alasan Kesibukan Mencari Rezeki Untuk Abai Penjagaan Anak – Nancy</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/jangan-jadikan-alasan-kesibukan-mencari-rezeki-untuk-abai-penjagaan-anak-nancy-ME13353483</p> <p>https://gerbangpost.com/jangan-gunakan-alasan-sibuk-bekerja-untuk-abaikan-menjaga-anak-nancy/</p> <p>https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2368964</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2368996</p> <p>https://headtopics.com/my/malaysia-minister-warns-parents-against-leaving-children-62640261</p> <p>https://www.tvsarawak.my/2024/11/28/jangan-jadikan-alasan-kesibukan-mencari-rezeki-untuk-abai-penjagaan-anak-nancy/</p> <p>https://plus.edisiviral.com/jangan-jadikan-kerja-sebagai-alasan-untuk-abaikan-anak/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1141164/makin-g-ends-meet-not-excuse-neglect-leave-children-unsupervised-parents</p>	<p>The Sun</p> <p>Gerbang Post</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p> <p>Head Topics</p> <p>TV Sarawak</p> <p>Edisi Viral</p> <p>NST</p>	Neutral

	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-jadikan-alasan-kesibukan-mencari-rezeki-untuk-abai-penjagaan-anak-nancy-498438	Astro Awani	
2.	<p>2,240 Kes Penderaan Kanak-Kanak Dalam Tempoh 8 Bulan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/28/2240-kes-penderaan-kanak-kanak-dalam-tempoh-8-bulan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1159992/jkm-rekodkan-2240-kes-dera-kanak-kanak-sepanjang-tahun-ini</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/28/more-than-2000-abuse-cases-against-children-recorded-says-ministry</p> <p>https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2024/11/28/lebih-2000-kes-penderaan-kanak-kanak-setakat-ogos-2024-majoriti-budak-perempuan-kpwkm/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1140801/over-2000-child-sexual-abuse-cases-recorded-until-april-year</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/29/nancy-nip-domestic-violence-in-the-bud</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/2240-kes-dera-kanak-kanak-direkodkan-sehingga-ogos-tahun-ini-jkm/</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/29/over-1000-child-sexual-abuse-cases-reported-this-year</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/dera-kanak-kanak-2-240-kes-direkodkan-lapan-bulan-pertama-2024-x99w56m</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=jyxz3lOZCx8</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=n8B5Lkq9e7c</p>	<p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Star</p> <p>The Rakyat Post</p> <p>NST</p> <p>The Star</p> <p>Buletin TV3</p> <p>The Star</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

3.	<p>KPWKM Sediakan Peruntukan RM39.9 Juta Bantuan Bencana – Noraini</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-sediakan-peruntukan-rm399-juta-bantuan-bencana-noraini-498409</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/28/aid-for-caregivers-may-be-increased-in-2025-dr-noraini-tells-parliament</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2368832</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-provides-rm399m-for-disaster-aid-noraini-PE13352940</p> <p>https://gerbangpost.com/kpwkm-menyediakan-dana-sebanyak-rm39-9-juta-untuk-bantuan-bencana-kata-noraini/</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2368832</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160276/rm399-juta-untuk-bantuan-bencana</p> <p>https://www.suarakeadilan.my/post/hampir-rm40-juta-disediakan-untuk-mangsa-bencana-kpwkm</p> <p>https://seeni.my/article/kpwkm-sediakan-peruntukan-rm399-juta-bantuan-bencana-noraini-astro-awani-498409</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-sediakan-peruntukan-rm39-9-juta-untuk-bantuan-bencana/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1330145/kpwkm-sedia-peruntukan-rm399-juta-bantuan-bencana</p> <p>https://headtopics.com/my/malaysia-s-kpwkm-allocates-rm39-9-million-for-disaster-62631357</p>	<p>Astro Awani</p> <p>The Star</p> <p>Bernama</p> <p>The Sun</p> <p>Gerbang Post</p> <p>Bernama</p> <p>Harian Metro</p> <p>Suara Keadilan</p> <p>Seeni</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p> <p>Head Topics</p>	Positif
----	---	---	---------

4.	<p>PERANTIS Empowers Women To Become Future Leaders – Nancy</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/perantis-empowers-women-to-become-future-leaders-nancy-EF13349962#google_vignette</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/28/program-perantis-lahirkan-pemimpin-wanita-baharu/</p> <p>https://headtopics.com/my/women-s-leadership-apprenticeship-programme-2024-approved-62603695</p>	<p>The Sun</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
5.	<p>Proposal For ‘Sharenting’ Law In Malaysia Gets The Thumbs Up</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/11/29/proposal-for-sharenting-law-in-malaysia-gets-the-thumbs-up/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2024/11/29/sokong-undang-undang-sharenting-lindungi-privasi-anak/</p>	<p>FMT</p> <p>FMT</p>	Neutral
6.	<p>Banjir: JKM Bersedia Aktifkan 8,481 PPS Di Seluruh Negara</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1329809/banjir-jkm-bersedia-aktifkan-8481-pps-di-seluruh-negara</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=1Eyorb7ZpBg</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bencana-banjir-jkm-bersedia-aktifkan-8481-pps-di-seluruh-negara-x99w35s</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
7.	<p>JKM Cari Waris Bayi Lelaki</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160108/jkm-cari-waris-bayi-lelaki</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
8.	<p>Lebih 47,000 Mangsa Banjir Di Enam Negeri Berlindung Di PPS Kelantan</p>		Neutral

	<p>https://www.malaysiakini.com/news/727326#google_vignette</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jumlah-penduduk-terjejas-banjir-di-kelantan-terengganu-dan-selangor-terus-meningkat</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/28/jumlah-mangsa-banjir-meningkat-kelantan-paling-ramai/</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2368881</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/29/kemaskini-67620-mangsa-banjir-di-6-negeri-kelantan-paling-tinggi/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/727371</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1140807/government-ready-activate-8481-flood-relief-centres-nationwide</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/banjir-50000-mangsa-banjir-di-enam-negeri-berpindah/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/terkini-banjir-jumlah-mangsa-dipindahkan-meningkat-ke-41565-kelantan-paling-ramai/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160205/banjir-6-negeri-semakin-buruk-52162-mangsa-setakat-4-petang</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>NST</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p>	
9.	<p>Tekanan Ekonomi Faktor Kes Dera, Penganiayaan Kanak-Kanak Meningkat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/699331/edisi/melakans/tekanan-ekonomi-faktor-kes-dera-penganiayaan-kanak-kanak-meningkat#google_vignette</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
10.	<p>'Tolong Selamatkan Kami Sekeluarga 30 Orang Termasuk Bayi Terperangkap Dalam Rumah'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1330261/tolong-selamatkan-kami-sekeluarga-30-orang-termasuk-bayi</p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral

11.	<p>Wanita Warga Emas Tertipu Hingga Kerugian RM150,000</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/28/wanita-warga-emas-tertipu-hingga-kerugian-rm150000</p>	Utusan Borneo	Neutral
12.	<p>Pasangan Warga Emas Rentung Teksi Dinaiki Untuk Ziarah Anak Kemalangan, Terbakar</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasangan-warga-emas-rentung-teksi-dinaiki-untuk-ziarah-anak-kemalangan-terbakar-498352</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/699274/berita/semas-a-tiga-warga-emas-maut-waris-masih-terkejut-hiba</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/28/pemandu-teksi-pasangan-warga-emas-mahu-ziarah-anak-rentung-dalam-nahas/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/699215/berita/semas-a-hasrat-ziarah-anak-tak-kesempaan-suami-isteri-rentung-teksi-dinaiki-terbakar</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/3-warga-emas-rentung-kereta-rempuh-tembok-jambatan</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
13.	<p>Warga Emas Korban Banjir Pertama Di Terengganu</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-korban-banjir-pertama-di-terengganu-498298</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1329957/warga-emas-korban-banjir-pertama-di-terengganu#google_vignette</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=RD5pdXwnQeY</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/polis-sahkan-warga-emas-korban-pertama-banjir-terengganu-IE13352912</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun</p>	Neutral

	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2368760 https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/28/lelaki-warga-emas-korban-pertama-banjir-terengganu/ https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/warga-emas-korban-pertama-banjir-di-terengganu/ https://www.youtube.com/watch?v=YcbgeaAPgFA	Bernama FMT Utusan Berita Al-Hijrah	
14.	Perkasa OKU Melalui Kemahiran Selaras Keperluan Industri https://harakahdaily.net/index.php/2024/11/28/perkasa-oku-melalui-kemahiran-selaras-keperluan-industri/	Harakah Daily	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

JANGAN JADIKAN ALASAN KESIBUKAN Mencari REZEKI UNTUK ABAI PENJAGAAN ANAK – NANCY



KUALA LUMPUR: Kesibukan mencari nafkah tidak wajar dijadikan alasan untuk mana-mana ibu bapa mengabaikan soal penjagaan anak-anak mereka, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata perbuatan meninggalkan anak sendirian tanpa penjagaan orang dewasa bukan sahaja merupakan kesalahan dari segi undang-undang, malah ia turut membahayakan keselamatan anak-anak itu.

“...Kalau kita nak mencegah (perbuatan ini) dari segi undang-undang memang banyak, namun kadangkala perundangan itu bukan satu-satunya jalan penyelesaian. Terdapat ibu bapa yang menghadapi masalah kekeluargaan atau kewangan, jadi perkara ini perlu dibincang bersama dengan keluarga atau kawan-kawan.

“Kita faham dari segi ekonomi, untuk ibu bapa menghantar anak ke pusat penjagaan menjadi satu kekangan, namun begitu ia tidak boleh dijadikan alasan untuk meninggalkan anak berseorangan mahupun berdua, demi keselamatan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis Tautan KASIH Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Bersama Media 2024 di sini.

Nancy mengulas kes membabitkan seorang wanita yang dihukum penjara sebulan oleh Mahkamah Sesyen Ampang semalam, selepas mengaku mengabaikan dua anak lelakinya dengan meninggalkan mereka tanpa pengawasan di rumah mereka, bulan lepas.

Sementara itu menyentuh tentang majlis berkenaan, Nancy berkata ia diadakan sebagai penghargaan buat warga media yang sering membuat laporan berita mengenai inisiatif yang dijalankan oleh KPWKM, sekali gus membantu menyebarkan luas program dan bantuan yang disediakan oleh kementerian berkenaan.

“Sebenarnya kami di KPWKM amat terhutang budi kepada pihak media kerana telah banyak membantu, apatah lagi dengan berita yang amat perlu diketahui oleh masyarakat umum mengenai apa yang dijalankan oleh kementerian.

“Tanpa sokongan tanpa henti pihak media, banyak inisiatif kami tidak akan dapat sampai kepada semua pelusuk masyarakat negara,” katanya dalam ucapan pada majlis itu.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Nur-ul Afida Kamaludin, Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Bernama Nasriah Darus dan Ketua Bernama TV Nor Hamzeela Md Hambali.

2,240 KES PENDERAAN KANAK-KANAK DALAM TEMPOH 8 BULAN

KUALA LUMPUR – Sebanyak 2,240 kes penderaan kanak-kanak direkodkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara dari Januari hingga Ogos lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia membabitkan tiga kategori iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi.

“Sebanyak 897 kes melibatkan penderaan fizikal, manakala 1,260 kes merangkumi penderaan seksual dan 83 kes penderaan emosi,” katanya pada menerusi jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) mengenai statistik kes seksual dan penderaan kanak-kanak di negara ini.

Nancy berkata, kes jenayah seksual kanak-kanak pula dibahagikan kepada 14 kategori termasuk rogol, rogol berkumpulan, sumbang mahram, cabul kehormatan dan berkelakuan aib.

Menurut beliau, kategori lain adalah menghendap, seks luar tabii, pornografi kanak-kanak, berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, pengantunan kanak-kanak.

Tambah beliau, kategori seterusnya adalah berjumpa selepas pengantunan, amang seksual fizikal, amang seksual bukan fizikal dan kesemuanya merupakan kesalahan di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan.

Kata beliau, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes seksual membabitkan kanak-kanak bagi tahun dari Januari hingga April 2024 ialah 2,059 kes. – KOSMO! ONLINE

KPWKM SEDIAKAN PERUNTUKAN RM39.9 JUTA BANTUAN BENCANA – NORAINI



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad pada sesi Penggulungan peringkat Jawatankuasa pada Persidangan Dewan Rakyat hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan sejumlah RM39.9 juta peruntukan bagi memastikan keperluan makanan dan barangan keperluan bencana kepada mangsa disalurkan sebaiknya bagi tahun ini.

Timbalan Menteri Datuk Seri Noraini Ahmad berkata daripada jumlah itu, RM12 juta adalah untuk peringkat persekutuan manakala RM27.9 juta untuk peringkat

negeri termasuk peruntukan bagi depoh simpanan yang meliputi barang keperluan berkaitan.

"Kita sediakan barang keperluan asas seperti khemah, tikar, dan selimut dan waktu yang sama kita siapkan juga bekalan pek makanan ataupun makanan bermasak ataupun retort.

"Kita juga siapkan barangan keperluan khas terutamanya kepada golongan OKU (Orang Kurang Upaya), warga emas, wanita, kanak-kanak dan makanan kering. Ini terutamanya untuk diberikan di kawasan yang terputus hubungan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat hari ini, selepas 17 orang Ahli Parlimen mengambil bahagian dalam sesi perbahasan rang undang-undang itu.

Mengenai kesiapsiagaan KPWKM menghadapi monsun timur laut, beliau berkata 4,590 pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 1,047 orang terdiri daripada psychological support team dan 6,073 sukarelawan JKM digerakkan bagi tujuan tersebut.

Sementara itu Noraini turut memaklumkan JKM sedang menyediakan satu kertas dasar berhubung pemberian insentif kepada sukarelawan yang terlibat dalam bantuan bencana di negara ini.

Dewan Rakyat kemudiannya meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 peringkat jawatankuasa bagi KPWKM selepas ia mendapat lebih suara bersetuju.

-- BERNAMA

PERANTIS EMPOWERS WOMEN TO BECOME FUTURE LEADERS – NANCY



KUALA LUMPUR: A total of 26 applications for the Women's Leadership Apprenticeship Programme 2024 (PERANTIS 2024) have been approved, with an allocation of RM1.19 million, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said.

She said the programme involves 1,544 participants who were rigorously screened by 13 expert panels to implement initiatives that uplift women in various fields, including leadership, economics and technology.

“PERANTIS is a pilot project introduced to provide women with opportunities to empower themselves and become capable young leaders.

“This programme offers women a platform to acquire knowledge, mentorship and networking opportunities that can propel them further in their careers and leadership roles,” she said at the programme launch yesterday.

Nancy highlighted the need for PERANTIS, citing Malaysia’s current low participation of women in leadership roles. The Gender Gap Index for political parties in Malaysia was only 0.102, as reported in the 2022 Malaysia Gender Gap Index (MGGI).

“The number of women parliamentarians in the Dewan Rakyat is still very low. Therefore, we embrace the challenge of encouraging women to learn about politics.

“Although the programme involves knowledge about politics, participants are not necessarily expected to become politicians. What’s important is that we want women to understand politics at all levels state or federal and they will have the chance to experience it firsthand through practical training,” she said.

Nancy expressed hope that the programme will significantly benefit women in Malaysia and attract greater participation in the future.

BANJIR: JKM BERSEDIA AKTIFKAN 8,481 PPS DI SELURUH NEGARA



Antara kawasan ditenggelami banjir yang sedang melanda Kelantan. - NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

KUALA LUMPUR: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia untuk mengaktifkan 8,481 pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menempatkan 2.1 juta mangsa banjir di seluruh negara.

PPS berkenaan membabitkan 5,063 sekolah, balai raya/dewan (2,457), masjid/surau (572) dan pusat komuniti (389).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata seramai 82,794 pegawai dan anggota pelbagai cabang agensi kerajaan pada semua peringkat turut bersiap siaga sepenuhnya untuk menghadapi bencana itu.

Selain itu, beliau berkata, sebanyak 37,127 unit pelbagai aset disediakan membabitkan bot penyelamat (2,031), jentera kenderaan 4x4 (1,399), jentera kenderaan berat (1,646), helikopter (31), jaket keselamatan pelbagai saiz untuk kegunaan mangsa (30,260), dan jambatan panel keluli bermodular (1,760).

"Pihak JKM juga memaksimumkan 774 Fasilitas Penyimpanan Bantuan Bencana di seluruh negara mulai September dan Oktober bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).

"Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) turut menyalurkan peruntukan bantuan bencana berjumlah RM232 juta kepada semua negeri bagi diagihkan kepada ketua isi rumah (KIR) mangsa bencana yang terjejas dan memenuhi syarat-syarat kelayakan ditetapkan," katanya dalam jawapan bertulis disiarkan melalui laman web Parlimen, hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Mas Ermeyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) berhubung tahap kesiapsiagaan NADMA dalam pengurusan banjir bagi mempertingkatkan keselesaan PPS bertujuan menjamin kebajikan mangsa banjir.

Menjelaskan lanjut, Ahmad Zahid berkata, ada dua jenis bantuan bencana disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang disalurkan NADMA kepada semua negeri, iaitu Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian.

Katanya, Bantuan Wang Ihsan adalah sumbangan RM1,000 untuk KIR yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di PPS, manakala Bantuan Wang Ihsan Kematian membabitkan sumbangan RM10,000 bagi waris mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.

Sekiranya berlaku banjir besar di luar jangka pula, beliau berkata, NADMA bersedia untuk menyalurkan peruntukan tambahan jika diperlukan, mengikut permohonan negeri berdasarkan jumlah sebenar KIR yang terjejas akibat bencana.

LEBIH 47,000 MANGSA BANJIR DI ENAM NEGERI BERLINDUNG DI PPS

Mangsa banjir di enam negeri kini mencecah angka 47,365 orang membabitkan 14,427 keluarga ditempatkan di pelbagai pusat pemindahan sementara (PPS).

Menurut laman web info bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), setakat jam 2 petang hari ini, Kelantan merekodkan jumlah mangsa tertinggi melibatkan 38,618 orang meliputi 10 daerah terlibat.

Di Terengganu pula JKM merekodkan 7,586 orang mangsa banjir di tujuh daerah, manakala Kedah seramai 839 orang penduduk terjejas di empat daerah.

Sementara itu Perlis merekodkan 274 mangsa melibatkan dua daerah, dan Johor pula mempunyai 28 orang mangsa melibatkan daerah Segamat.

Secara keseluruhan sebanyak 386 PPS dibuka di enam negeri berkenaan.

Terdahulu Perdana Menteri Anwar Ibrahim menzahirkan penghargaan kepada semua pihak dan agensi terlibat dalam membuat persiapan yang disifatkannya lebih baik menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) tahun ini.

Dia berkata di bawah Timbalan Perdana Menteri Ahmad Zahid Hamidi, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) diarah memperkemas penyelarasan seluruh kekuatan jentera, agensi Persekutuan dan negeri untuk memastikan keselamatan serta kebajikan mangsa banjir.

Anwar berkata penduduk di kawasan terkesan akan terus menjadi keutamaan tertinggi sepanjang tempoh MTL ini yang dijangka berlarutan hingga Mac tahun depan.

PASANGAN WARGA EMAS RENTUNG TEKSI DINAIKI UNTUK ZIARAH ANAK KEMALANGAN, TERBAKAR



Dalam kejadian jam 9.15 pagi itu, Husali Umar, 84, dan Mastura Said, 61, selain pemandu teksi S. Subbramianiam, 71, rentung selepas terperangkap dalam kereta berkenaan. - Gambar/ JBPM

JASIN: Perjalanan pasangan suami isteri untuk ke rumah anak berakhir tragedi apabila teksi dinaiki terlibat dalam kemalangan sebelum terbakar di Kampung Lanchang, Jalan Jasin-Merlimau di sini hari ini.

Dalam kejadian jam 9.15 pagi itu, Husali Umar, 84, dan Mastura Said, 61, selain pemandu teksi S. Subbramianiam, 71, rentung selepas terperangkap dalam kereta berkenaan.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Ahmad Jamil Radzi berkata, siasatan awal mendapati teksi jenis Proton Iswara itu dipercayai hilang kawalan dan terbabas melanggar tembok jambatan.

"Ketika kejadian, pasangan warga emas itu dalam perjalanan dari arah Semujuk, Jasin menuju ke Merlimau untuk menziarahi anak mereka.

"Rempuhan kuat mengakibatkan teksi berkenaan terbakar dan kesemua mangsa rentung di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, kebakaran dipercayai berpunca daripada kebocoran tangki gas asli (NGV) yang dipasang pada kenderaan itu akibat daripada kemalangan berkenaan.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan mayat ketiga-tiga mangsa dibawa ke Hospital Jasin.